

PENTAFSIRAN BAHARU TERHADAP SEJARAH TEMPATAN MELALUI NOVEL *LUKA NERING*

AMIR ZAKIY HAMZAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
P102502@siswa.ukm.edu.my

CHE ABDULLAH CHE YA
Universiti Kebangsaan Malaysia
cheabd@ukm.edu.my

ABSTRAK

Luka Nering adalah sebuah novel yang bertolak daripada sejarah Kesultanan Melayu Perak karya Malim Ghozali PK. Novel ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014 dan tercalon untuk Anugerah Sastera Antarabangsa IMPAC Dublin 2016. Novel ini bertolak daripada peristiwa Perjanjian Pangkor 1874 yang menyebabkan campur tangan British dalam sistem pemerintahan Perak. Karya ini telah menolak manipulasi terhadap fakta tentang penggulingan kuasa yang dilakukan penjajah. Pengarang menyanggah penulisan sejarah yang telah dikemukakan khususnya oleh sejarawan Barat. Sehubungan itu, persoalan artikel ini adalah bagaimana penolakan sejarah itu dilaksanakan sedangkan fakta sejarah telah lama diterima umum? Analisis kandungan diaplikasikan sebagai instrumen untuk menganalisis bahan kajian dalam artikel jurnal, buku, akhbar dan kertas kerja. Kajian ini menggunakan teori Pensejarahan Baru yang diasaskan oleh Stephen J. Greenblatt sebagai kerangka analisis. Dapatan kajian mendapati *Luka Nering* sebuah teks pensejarahan baru yang menolak fakta sejarah yang tercatat dalam negara khususnya sejarah Kesultanan Melayu Perak. Pengarang telah memberi makna sejarah yang baru terhadap beberapa isu seperti tanggapan kepada pejuang nasionalisme tempatan, kemunculan residen dan sejarah pembukaan negeri. Melalui makna baru daripada aspek politik memperlihatkan kuasa anak raja, sistem penggiliran takhta dan penipuan dalam perjanjian terhadap golongan istana diubah kepada percaturan politik yang sempurna oleh Malim Ghozali PK. Manakala, makna baru daripada aspek sosial memaparkan dasar pecah perintah, pembinaan masjid dan pelancongan yang berpihak kepada masyarakat peribumi.

Kata Kunci: Kritikan sastera; *Luka Nering*; Malim Ghozali PK; novel sejarah;; Persejarahan Baru

NEW INTERPRETATION ON LOCAL HISTORY THROUGH *LUKA NERING*

ABSTRACT

Luka Nering is a novel based on the history of the Kesultanan Melayu Perak by Malim Ghozali PK. The novel was published by Dewan Bahasa dan Pustaka in 2014 and nominated for the International Literary Award IMPAC Dublin 2016. This novel departs from the event of Pangkor Agreement in 1874 where British intervention of the Malay government. This work has rejected the manipulation of facts about the overthrow of power by the colonial. The writer refutes the historical writing that has been done, especially by the colonial. The focus of this article is to discuss how the historical rejection is being argue when the historical facts have long been accepted publicly? The data for this study is based on qualitative methods. Content analysis is used as an instrument to analyze the data gathered from journals, books, newspapers and paperworks. This study uses the New Historianism theory by Stephen J Greenblatt as a framework of analysis. This study found that *Luka Nering* is a new historical text that rejects historical facts written by the western, especially the history on Kesultanan Melayu Perak. The author has given new historical interpretation to a number of issues, such as perceptions of local nationalist warriors, the emergence of residents and the history on the opening of the state. Through these new meanings from the political aspect of the power of the prince, the rotation system of the throne and the manipulation of the agreement against the courtiers was well rewritten by Malim Ghozali PK. The new meaning from the social aspect shows the policy of divide and rule, the construction of mosques and tourism in favor of the indigenous community.

Keywords: Literary criticism; *Luka Nering*; Malim Ghozali PK; history novel; New Historianism

PENGENALAN

Malim Ghozali PK adalah seorang pengarang tersohor di tanah air. Beliau berasal dari Malim Nawar, Perak. Beliau berkebolehan menulis pelbagai genre sastera seperti puisi, cerpen, novel dan esei. Hal ini menjadikan beliau berjaya meletakkan dirinya dalam kelas tersendiri melalui bidang penulisan. Meskipun beliau mampu menulis dalam pelbagai genre tetapi ramai pengkritik, sarjana dan cendekiawan sastera menyatakan bahawa beliau lebih terkenal sebagai cerpenis dan novelis (Muhammad Haji Salleh, 2017: 256). Sepanjang berkecimpung dalam arena penulisan, beliau menghasilkan empat karya iaitu *Redang* (1988), *Janji Paramaribo* (1990), *Daun* (2008) dan *Luka Nering* (2014).. Berdasarkan jumlah novel yang dihasilkan memperlihatkan dunia kreatif pengarang dalam genre novel agak perlahan berbanding dengan genre cerpen dan puisi (A. Rahim Abdullah, 2017:8). *Luka Nering* adalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang boleh diklasifikasikan sebagai novel sejarah. Novel ini mengisahkan tentang krisis penggiliran

takhta yang berlaku dalam kalangan Kerabat Diraja Perak di samping isu sejarah melibatkan Perjanjian Pangkor 1874 antara Kolonial British dengan pihak Kesultanan Perak. Isu penggulingan kuasa terhadap pemerintah tempatan melalui Perjanjian Pangkor oleh pihak British membuatkan pengarang ingin menafsir semula makna di sebalik propaganda yang disembunyikan. Sejarah dan masa silam digunakan oleh pengarang untuk pembinaan bangsa masa kini iaitu sezaman dengan pengarangnya (Mana Sikana, 1997: 129). Penulisan teks oleh sejarawan tempatan membolehkan sejarah kembali dirakam dengan fakta dan maklumat yang sebenar. Seajar dengan itu, Persejarahan Baru hadir dengan kesedaran untuk mentafsirkan semula sejarah dan kebenaran sejarah yang diperagakan dalam teks-teks yang bercirikan sejarah (Mohd Ali Radin, 2018: 20). Sudirman Shomary (2019: 176-192), melihat sejarah daripada perspektif tempatan dalam tulisan beliau “Hubungan Sosial Dan Politik Johor-Riau dengan Kalimantan Barat: Perspektif Historiografi Tradisional Melayu”.

TEKS KAJIAN

Kajian ini akan menganalisis novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK. Novel ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2014. Novel ini dipilih kerana novel ini bertolak daripada sejarah Kesultanan Melayu Perak. Antara peristiwa sejarah yang diolah oleh pengarang adalah Perjanjian Pangkor 1874 yang memperlihatkan campurtangan Inggeris dalam pentadbiran negeri Perak. Novel ini pastinya memiliki keistimewaan tersendiri sehingga tercalon untuk Anugerah Sastera Antarabangsa IMPAC Dublin 2016.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan pada unsur-unsur sejarah yang terdapat dalam novel *Luka Nering* daripada perspektif teori Persejarahan Baru. Beberapa peristiwa sejarah seperti perjanjian Pangkor dan pemilihan Sultan Perak akan dilihat daripada sudut pandangan tempatan bukan daripada kacamata sejarah ciptaan Barat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk penyelidikan asas dalam *Luka Nering* ini adalah bersifat kualitatif. Teks dianalisis menggunakan teori *New-Historisisme* (Pensejarahan Baru) yang dikemukakan oleh Stephen J. Greenblatt. Secara umumnya, kaedah ini bertujuan mencari data secara menyeluruh untuk memastikan teks kajian tidak lari daripada pemahaman fakta yang sebenar.

ANALISIS

Teori Pensejarahan Baru telah dibangunkan oleh Stephen J. Greenblatt pada tahun 1980-an dan telah meluas penggunaannya pada tahun 1990-an. Pensejarahan Baru ini sering dihubungkan dengan Greenblatt kerana beliau adalah tokoh yang memberi dan memperkenalkan istilah tersebut (Abdul Halim Ali, 2011: 5). Teori ini mencadangkan bahawa kesusasteraan mesti dikaji dan ditafsirkan semula dalam konteks sejarah untuk

menilai bagaimana teks telah dipengaruhi waktu karya dihasilkan (Mohd Ali Radin, 2018: 1). Penolakan terhadap sejarah dirasakan sebagai satu kelemahan dalam pendekatan sastera. Perkara ini disebabkan teori sejarah lama dan teori sebelumnya telah mematkan pengarang dalam teks sastera. Roland Barthes yang mengusung kematian pengarang dan mencampuradukkan aspek dan unsur sejarah daripada penilaian sastera (Mana Sikana, 2008: 393). Perspektif ini jelas membuatkan Malim Ghazali PK merasa bahawa sejarah perlu dinilai semula untuk mencari kebenaran di sebalik fahaman yang selama ini menguasai minda masyarakat. Hal ini penting dalam memupuk semangat nasionalisme dalam jiwa masyarakat. Kepentingan semangat nasionalisme ini dibincangkan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali et.al (2020: 337-351).

Pensejarahan Baru bertolak daripada kesangsian terhadap apa yang telah diperagakan sebagai sejarah termasuklah kebenaran fakta-fakta sejarah serta tafsiran terhadap fakta-fakta tersebut. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa Pensejarahan Baru bertegak di atas matlamatnya untuk mencabar dan menilai semula sejarah (Mohd Ali Radin, 2018: 6). Sejarah mengikut Pensejarahan Baru berada dalam keadaan *absence of truth* di samping memandang sejarah berdasarkan prinsip bahawa semua sejarah itu diragukan kebenarannya. Ahli sejarah tidak dapat membuat dengan tepat dan benar catatan tentang kebenaran dari era itu. Justeru, Greenblatt yang berpegang kepada konsep *history of present Foucault* memandang bahawa sejarah dan teks sejarah harus ditafsirkan semula maknanya dengan makna masa kini. Tuntasnya, novel *Luka Nering* akan dihuraikan melalui konsep pemaknaan baru daripada aspek sejarah, politik dan ekonomi.

MAKNA SEJARAH DALAM *LUKA NERING*

Sejarah negeri Perak melibatkan Perjanjian Pangkor 1874 dalam *Luka Nering* membuat pengarang merasakan bahawa sejarah telah dimanipulasikan daripada fakta yang sebenar. Perjanjian Pangkor ternyata bukan dengan kehendak-kehendak raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu Perak tetapi sebaliknya merupakan sesuatu yang dipaksa ke atas mereka oleh pihak Inggeris (Malim Ghazali PK, 2017: 109). Pensejarahan Baru akan menelusuri apa yang dimaksudkan dengan *past significane present meaning*, iaitu menyusur masa silam dengan memberi makna kekinian. Tujuan kembali kepada sejarah dalam Pensejarahan Baru bukan bertujuan mencari kebenaran sejarah atau mengagungkan sejarawan tetapi ianya lebih memberi penekanan kepada tekstualiti (Guerin, 1992: 32).

Malim Ghazali PK memunculkan watak TC selaku seorang anak raja yang tidak berpuas hati dengan isi Perjanjian Pangkor 1874. TC digambarkan seorang berketurunan raja yang cakna akan peristiwa hitam bangsanya yang pernah terluka akibat kolonial penjajah British:

“Berulang kali dia membaca dan mengkaji Perjanjian Pangkor. Semakin mendalam kajiannya, semakin pekat pula rasa mualnya terhadap Inggeris, juga bangsanya sendiri, yang tidak menyedari bahawa mereka dilaga-laga dan dimanipulasikan. Agenda besar Inggeris untuk mentadbir Tanah Melayu sudah jelas terbayang pada klausa-klausa perjanjian yang ditandatangani”.

(Malim Ghazali PK, 2014: 6)

Meskipun telah berulang kali membaca inti pati Perjanjian Pangkor, TC atau nama sebenarnya Raja Cik ibni Almarhum Raja Itam merasakan bahawa perjanjian tersebut telah disalah guna dari sudut kuasa oleh pihak British. Perjanjian Pangkor 1874 disifatkan lebih menguntungkan puak penjajah sehingga menindas kaum bumiputera secara tidak langsung. Inggeris dengan rakus mengembangkan sayap hegemoninya untuk kepentingan politik, ekonomi dan ketenteraan mereka (Malim Ghozali PK, 2017: 102). Sifat dendam dalam diri TC lebih menebal apabila mengetahui bahawa kandungan penulisan Perjanjian Pangkor ini dicatat oleh peguam daripada pihak British. Draf Perjanjian Pangkor telah disediakan oleh Rolland Braddel Peguam Kerajaan Negeri Selat terdapat 14 perkara yang telah dipersetujui (Khoo Khay Kim, 1974: 10).

Malim Ghozali PK menggambarkan bahawa TC mempunyai jiwa patriotik yang tinggi terhadap bangsanya walaupun dirinya dimasukkan ke Rumah Sakit Otak Tanjung Rambutan atas tuduhan membunuh. Beliau tidak berpuas hati dengan Sultan Perak ketika itu kerana baginda alpa dalam memahami propaganda British untuk menakluki singgahsana kerajaan. Kenyataan ini turut disokong oleh Ishak Saad (2012: 36) yang mengatakan Sultan Abdullah tersilap dalam mentafsirkan makna penasihat dari seorang residen. Oleh itu, munculnya watak TC ini seakan memberi gambaran bahawa kerabat diraja Melayu sebenarnya berjiwa rakyat dan bijaksana dalam menjalankan pemerintahan. TC juga menyelar tindakan pihak kolonial British yang menggelar anak-anak tempatan dalam membangkitkan semangat perjuangan digelar sebagai pengkhianat. Melalui sudut pandangan Barat, mereka merupakan orang berdosa dan keadilan pun terlaksana dengan terukurnya pemimpin-pemimpin Melayu (Malim Ghozali PK, 2017: 104). Perbuatan ini tidak lain hanya untuk mereka digelar sebagai pemenang dan kerajaan yang bertanggungjawab memodenkan pentadbiran di Tanah Melayu:

“Adakah Orang Kaya Tengku Menteri Ngah Ibrahim, Sultan Abdullah Muhammad Shah II, Laksamana Mohd. Amin Alang Duakap, Syahbandar Uda Maamor, Dato’ Maharaja Lela, Dato’ Sagor, Pandak Indut, Kulup Ali, Si Tuah dan Ngah Jabor yang memimpin kebangkitan orang Melayu menentang penjajahan Inggeris itu tindakan penderhaka atau wira? Adilkah penghakiman yang dijatuhkan ke atas mereka?”

(Malim Ghozali PK, 2014: 40)

British mengatakan bahawa pejuang di Tanah Melayu ini hanya sekadar penderhaka yang tidak mahu kemajuan pentadbiran di negeri Perak. Penjajahan kolonial Barat sama ada penjajah Inggeris di Tanah Melayu atau penjajah Belanda di Indonesia telah menyebabkan rakyat bersalah mengikut kaca mata penjajah Barat (Talib Samat, 2013: 99). Justeru, ada dalam kalangan mereka yang dihukum bunuh, digantung dan dibuang negeri sehingga jasa dan pengorbanan mereka diketepikan. Gerak langkah dan setiap inci perjuangan mereka telah dipadamkan dari buku sejarah tulisan pihak British dan tidak diperlihatkan dari sudut yang baik. Setiap kes perbicaraan yang dilakukan hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja tanpa pembuktian kes secara teliti. Mereka dibicarakan di mahkamah “kanggaru”, tanpa peguam bela atau pegawai-pegawai yang memerhatikan perbicaraan itu (Malim Ghozali PK, 2017: 104). Pengarang telah mengubah bahawa sejarah pejuang di negeri Perak wajar diangkat dan diletakkan sebagai perwira bukannya pengkhianat yang selama ini dikatakan oleh penjajah.

Kemasukan TC ke Rumah Sakit Otak berpunca daripada dakwaan bahawa dirinya telah membunuh Osborne iaitu seorang pegawai berbangsa Inggeris yang berpangkat DO. Watak Osborne ini sinonim dengan watak J.W.W. Birch iaitu residen pertama British di Tanah Melayu. J.W.W. Birch dilantik menjadi penasihat kepada Sultan Abdullah ketika Perjanjian Pangkor dipersetujui. Beliau mati dibunuh oleh Dato Maharaja Lela yang turut dibantu oleh Pandak Endut dan Si Putum pada 2 November 1875. Walau bagaimanapun, pihak British telah menggambarkan bahawa Dato Maharaja Lela sebagai penjahat sehingga mayatnya telah digantung dan diusung di sekitar Pasir Salak. Kemunculan Osborne yang menjadi tafsiran watak baru kepada J.W.W. Birch menggambarkan sejarah telah diubah dalam konteks semasa oleh pengarang. Kenyataan ini dapat diperlihatkan melalui watak berikut:

“Sejak hari pertama DO Osborne menjadi ketua di daerahnya, hubungan TC dengan pegawai Inggeris itu tidak pernah elok, ada sahaja yang tidak kena; ada sahaja yang menjadi omelan Osborne. Kakitangan di pejabat tanah dan daerah dapat mengesan hal itu, terutama penolong-penolong pegawai daerah yang lain, pegawai-pegawai petempatan dan penghulu”.

(Malim Ghozali PK, 2014: 13)

“Bagaimana TC tembak Osborne?”

“Saya tak tembak dia. Osborne tertembak dirinya sendiri.”

“Mengikut pegawai penyiasat, TC ada membawa pistol pada hari yang berkenaan.”

“Betul, tapi pistol saya tak pernah keluar dari *holster*. Ujian balistik pasti akan membuktikan peluru itu datang daripada pistol siapa,” jawab TC dengan tegas.

“Kenapa TC tembak Osborne?”

“Saya tak tembak Osborne, saya tiada sebab untuk tembak dia.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 154)

Pengarang menukar sejarah dengan menggambarkan DO Osborne telah mati tertembak oleh dirinya sendiri bukan disebabkan oleh orang lain termasuk TC. Namun begitu, TC telah dituduh atas kes pembunuhan tersebut dan disabitkan hukuman penjara yang lebih berat. Oleh disebabkan beliau dimasukkan ke dalam Rumah Sakit Otak, kesnya telah ditangguhkan bagi membolehkan pihak mahkamah membuktikan sama ada dirinya bersalah atau tidak. Perbuatan TC yang tidak sebulu dengan pendapat DO Osborne seakan menyamai watak Sultan Abdullah terhadap J.W.W. Birch dalam ruang lingkup sejarah negeri Perak.

Tindakan J.W.W Birch yang melampaui batas telah membuatkan Sultan Abdullah berasa murka. Beliau menunjukkan sikap prejudis terhadap orang Melayu sebaik-baik sahaja dilantik sebagai Residen Perak (Malim Ghozali PK, 2017: 106). Sultan Abdullah telah mengadakan beberapa siri mesyuarat di Durian Sebatang untuk merancang pembunuhan J.W.W Birch yang diketuai oleh Datuk Maharaja Lela. Hal ini menyebabkan teretusnya Perang Perak merujuk kepada peperangan antara rakyat negeri Perak menentang tentera penjajah British pada tahun 1875 (Ishak Saad, 2012: 36). Malim Ghozali PK mengubah watak Dato Maharaja Lela kepada watak Haji Pohon Nering daripada mati dibunuh secara kejam kepada insan yang dimuliakan kematiannya.

Sebaliknya, melihat watak Osborne yang dikatakan mati tertembak angkara diri sendiri melambangkan bahawa bangsa Inggeris sememangnya bergelut dengan corak pemerintahan kolonial mereka sendiri.

Haji Pohon Nering merupakan pesakit di Rumah Sakit Otak yang telah pulih daripada gangguan sakit jiwa. Kematian Haji Pohon Nering adalah disebabkan oleh sengatan naning yang berada pada pohon nering di belakang rumahnya. Pemergiannya membuatkan seluruh penduduk Rumah Sakit Otak berduka memandangkan Haji Pohon Nering seorang yang berjasa dan berpengaruh dalam kalangan pesakit di dalam wad. Kedukaan melalui pokok nering pula telah melambangkan kedukaan yang dialami oleh bangsa Melayu setelah kematian pejuangnya. Kematian Haji Pohon Nering sebagai yang berpengaruh digambarkan pengarang sebagai insan yang dihargai pengorbanannya. Situasi ini dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

“Entah kenapa ada rasa sepi menyelinap ke dalam diri TC. Baginya pohon nering dan Hajidin sinonim. Kedua-duanya sentiasa memberikan teduh kepada sesiapa yang memerlukan. Sekarang, pohon nering tinggal kesepian. Hajidin sudah tiada.”

(Malim Ghozali Pk, 2014: 320-321)

Melalui gambaran di atas, TC amat merasai kehilangan Haji Pohon Nering persis penduduk Pasir Salak yang kematian Dato Maharaja Lela. Haji Pohon Nering atau nama sebenarnya Hajidin selamat disemadikan di tanah wakaf masjid. Persepsi ini jelas menunjukkan bahawa sejarah telah diubah makna yang baru daripada segi penghormatan kepada pejuang tempatan. Kematian tragis Dato Maharaja Lela yang ditulis oleh penjajah sehingga bertujuan menakutkan penduduk setempat telah diubah dari sudut yang baik oleh pengarang melalui kematian Haji Pohon Nering. Ironinya, kemenangan daripada segi penulisan sejarah telah diberikan kepada bangsa Melayu bukannya kepada pihak penjajah.

Selain sejarah Perak, pengarang turut memerihalkan tentang sejarah pembukaan sebuah negeri di Tanah Melayu iaitu Pulau Pinang. Rata-rata masyarakat mengetahui bahawa Francis Light merupakan orang yang mula-mula membuka Pulau Pinang tetapi pengarang telah mentafsirkannya dengan makna yang baru:

“Dia memberikan gambaran siapa sebenarnya Francis Light yang diagung-agungkan oleh buku-buku sejarah Barat, yang akhirnya diajar sebagai ilmu tawarikh kepada anak-anak Melayu. Dan, seluruh dunia pun mengiktiraf dan menjulangnya sebagai pembuka Pulau Pinang.

“Imam percaya Francis Light yang membuka Pulau Pinang?”

(Malim Ghozali PK, 2014: 91)

“Francis Light sendiri mengaku dalam catatannya bahawa dia bertemu dengan 30 orang penduduk Melayu di Tanjung Penaga dan mempunyai ketua yang bernama Nakhoda Kecil. Terdapat juga orang Sumatera berketurunan Minangkabau dan Aceh. Abdul Aziz Ishak mendakwa Datuk Janatun merupakan orang yang mula-mula datang merantau ke Pulau Pinang, sebelum Francis Light. Kajian mendapati Batu Uban telah diteroka oleh Haji Mohammad Salleh atau nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibnu Almarhum Tengku Pateh Sebatang yang berasal dari Kampung Buadi, Paya Kumbuh, Sumatera yang mempunyai pertalian darah

diraja Minangkabau. Kebenaran diberi oleh Sultan Kedah untuk mereka membuat penempatan di Batu Urban, Pulau Pinang. Ini berlaku sekitar tahun 1710, yakni 76 tahun sebelum kedatangan Francis Light ke Pulau Pinang.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 91-92)

Pengarang merungkaikan teori tentang Francis Light yang dikatakan orang yang pertama membuka Pulau Pinang. Pemahaman ini pada hakikatnya telah diterima pakai dalam kalangan masyarakat tempatan termasuk melalui sistem pembelajaran di sekolah. Tindakan ini tidak lari melainkan sejarah yang telah ditulis oleh sejarawan daripada pihak penjajah yang ingin mengangkat tokoh dalam kalangan mereka sebagai wira di Tanah Melayu. Kebanyakan teks termasuk yang digunakan dalam sukatan mata pelajaran di sekolah-sekolah ditulis oleh orang luar, kebanyakannya sejarawan Inggeris dan penjawat awam kerajaan yang berkhidmat di Tanah Melayu semasa penjajahan (Malim Ghozali PK, 2017: 95). Francis Light mengikut penyelidikan yang dilakukan oleh pengarang merupakan seorang broker tanah yang datang ke Tanah Melayu dalam misi untuk menakluki seberapa banyak tanah yang dijelajah. Salah satu tindakan untuk menjayakan misinya adalah dengan melakukan tipu muslihat dengan pemerintah dan penduduk setempat.

Pengarang memaparkan sejarah baru bahawa Datuk Janatun merupakan orang yang mula-mula membuka Pulau Pinang bukannya Francis Light. Bukan Inggeris yang datang dahulu ke Pulau Pinang atau dikenali sebagai Tanjung pada waktu itu sebaliknya Jenatun dan tiga nakhoda lain (Rafidah Mat Ruzki, 2016). Fakta mengenai Datuk Janatun yang dikatakan membuka Pulau Pinang diperkuatkan dengan pemberian hadiah dari Sultan Kedah. Sultan Kedah telah menganugerahkan 100 ekar tanah dari Batu Urban hingga ke Gelugor kepada Datuk Janatun dan adiknya pada tahun 1759. Pemberian tanah tersebut didorong oleh kewujudan masyarakat dari Sumatera yang telah mendiami kawasan dengan lebih awal iaitu 15 tahun sebelum Francis Light membuka Pulau Pinang.

Fakta ini diketengahkan oleh pengarang untuk membuktikan bahawa bukannya Francis Light yang membuka Pulau Pinang sebaliknya orang Melayu menjadi yang terawal dalam lipatan sejarah. Melalui teori Pensejarahan Baru, suara-suara kecewa ini telah diberikan ruang untuk bersuara untuk memperbetulkan sejarah yang selama ini diperagakan oleh pihak yang telah menang. Dalam konteks ini juga, sejarah dan teks sejarah dianggap oleh Pensejarahan Baru menawarkan pentafsiran semula dalam usaha mencari kebenaran.

MAKNA POLITIK DALAM *LUKA NERING*

Greenblatt memperluaskan Pensejarahan Baru kepada pemikiran politik dengan konsep kuasa (*power*). Politik dianggap sebahagian daripada budaya yang dikaitkan dengan sastera. Teks sastera dinyatakan mengandungi ayat-ayat yang berhubungan dengan tafsiran kekuasaan. Greenblatt dalam artikelnya *Towards a Poetics of Culture* yang merupakan lanjutan daripada *Cultural Poetics* mengangkat pembicaraan kuasa-kuasa yang terkait dengan politik dan budaya yang dikaitkan dengan kelahiran teks. Karya sastera yang baik teradun di dalamnya unsur-unsur sejarah dan analisis tentang politik (Mana Sikana, 1997: 128). Pembicaraan tentang sastera dan kuasa ini dibincangkan oleh Che Abdullah Che Ya, Mawar Shafie dan Misran Rokimin dalam kertaskerja mereka

“Manusia dan Kuasa: Meneliti Politik Perpartian dalam Beberapa Novel Melayu 1970-an hingga 1980-an” (2010: 251-263).

Melalui *Luka Nering*, Malim Ghazali PK melukiskan kembali konsep politik dan penjajah dengan perlambangan TC sebagai simbolik utama Kerabat Diraja Perak. TC seorang yang berpendidikan tinggi dan berani bersuara untuk mengkritik penjajah. Tindakan ini dapat diperlihatkan apabila TC bercanggah pendapat dengan penyeliannya semasa melanjutkan pelajaran di SOAS London ketika peringkat sarjana:

“*You can't accept history?*” Penyelia tesisnya menyindir.

Walaupun di London ketika itu angin pada penghujung musim rontok sudah mula memberat dengan kesejukan, kuping telinganya tetap terasa panas dengan tusukan sindiran penyelia.

“*Yes, I do. But not the ones interpreted and written by the western scholars.*” Dia menjawab dengan tegas.

Ternyata Profesor Hutton tidak senang dengan jawapannya. “*You have a serious problem, young man.*”

Prognosis penyelia benar-benar menyakitkan hatinya. Dia harus menangkisnya, cuma dia tidak mahu menikam.”

(Malim Ghazali PK, 2014: 92-93)

Peristiwa berlaku ketika TC menyerahkan tesisnya kepada Profesor Hutton untuk penilaian namun telah dipertikaikan. Profesor Hutton merasakan bahawa kajian yang dilakukan oleh TC tentang sejarah kependudukan British di Tanah Melayu jelas bertentangan dengan sejarah yang telah dirakamkan. Walau bagaimanapun, TC tetap bertegas dan menyatakan bahawa sejarah di Tanah Melayu perlu ditulis dan dirakamkan oleh sejarawan Melayu sendiri tanpa berlaku campur tangan daripada pihak luar. Kenyataan TC ini akhirnya berjaya diterima oleh penyeliannya memandangkan kajian yang dilakukannya telus dan mempunyai fakta yang kukuh. Tindakan ini jelas memperlihatkan bahawa TC berani dalam menentukan keputusan melibatkan sejarah yang berlaku di tanah airnya. Beliau seorang anak raja yang mempunyai kuasa dalam urusan pentadbiran termasuk politik maka peranannya terhadap sejarah tanah airnya tetap ingin ditegakkan. Politik harus juga ditafsirkan sebagai satu proses pembinaan diri sebagai bangsa bertamadun dan berilmu (Abdul Halim Ali, 2011: 13).

Krisis politik akibat kemangkatan Raja Dihilir telah mencetuskan polemik yang besar dalam pergolakan pentadbiran di negeri Perak. Pertikaian mengenai penggantian takhta dan krisis semasa elit pemerintah bukannya bermakna suatu gejala baru, ianya sudah menjadi suatu ciri politik Melayu (M.A. Fawzi, 2016: 44). Hierarki warisan takhta negeri Perak secara berperingkat dipimpin oleh Sultan sebagai induk utama yang kemudiannya Raja Muda, Raja Bendahara dan Raja Dihilir. Seterusnya diikuti dengan gelaran Raja Kecil Besar, Raja Kecil Sulung, Raja Kecil Tengah dan Raja Kecil Bongsu. TC ketika itu memegang jawatan sebagai Raja Kecil Besar sememangnya akan mewarisi gelaran RDH sekiranya berlaku kemangkatan. Walau bagaimanapun, keadaan yang menimpa TC ketika dimasukkan ke Rumah Sakit Otak telah menimbulkan krisis yang berpanjangan mengenai penggiliran takhta Kerabat Diraja Perak:

“Dato’ Kusnin. Waalaikumsalam, TC. Nak beritahu, RDH mangkat subuh tadi. Almarhum akan disemadikan di Makam Diraja Bandar Kuala zuhur nanti.”

“Dia tahu, kemangkatan Duli Yang Amat Mulia Raja Dihilir telah melibatkan dirinya secara langsung. Itulah gelaran yang akan dipegangnya mengikut giliran, sekiranya berlaku kemangkatan ke atas salah seorang pewaris. Tetapi dengan musibah yang menimpa dirinya sekarang, bagaimana?

(Malim Ghozali PK, 2014: 59-60)

Kejadian berlaku ketika TC sedang disiasat oleh Subinspektor Jain yang datang ke Rumah Sakit Otak untuk menyoalnya tentang insiden pembunuhan Osborne. Panggilan daripada pihak istana telah menyebabkan TC terjebak dalam dilema mengenai soal pewaris takhta RDH. Kes pembunuhan Osborne bukan sahaja menyebabkan pergolakan kepada pihak istana tetapi terpalit isu perebutan jawatan. Ku Robot yang merupakan sepupunya selain menjadi anak kandung Tuanku Imran dan Bonda Zah sudah pasti akan mengisi jawatan tersebut memandangkan kesnya belum menemui jalan penyelesaian. Situasi ini turut dapat diperlihatkan melalui petikan berikut:

“Ketika tuanku menyebut tentang kemangkatan RDH, TC sudah tahu apa kaitan dengan dirinya. Benar, sistem giliran nampaknya tersekat. Hendak dinaikkan dirinya, dia sudah disahkan mengalami sakit jiwa. Tidak cukup dengan itu, dia juga disyaki membunuh. Kedua-dua musibah ini sedikit pun tidak membantunya. Giliran Ku Robot pula berada di belakangnya. Apakah Tuanku akan mengetepikannya dan menaikkan Ku Robot? Ini bererti Ku Robot akan melangkau giliran.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 210)

Pengarang telah menabalkan Ku Robot sebagai RDH yang baru memandangkan laporan kesihatan TC yang tidak memihak kepada dirinya. Situasi bertambah parah apabila TC dimaklumkan akan berada lebih lama di Rumah Sakit Otak. Termaktub dalam isu penggiliran bahawa tempoh untuk pihak istana melantik RDH yang baru adalah selama enam bulan daripada kemangkatan RDH yang sebelumnya. Peraturan ini secara tidak langsung membolehkan Ku Robot dilantik menjadi RDH yang baru walaupun jawatan itu sebenarnya adalah hak milik TC. Isu Ku Robot yang melangkau giliran ini pada hakikatnya merupakan tafsiran makna baru yang dipaparkan oleh pengarang. Hal ini demikian kerana, isu penggiliran Ku Robot ini daripada TC merupakan cerminan daripada kisah Raja Muda Abdullah dan Raja Muda Bendahara Ismail dalam salasilah kerajaan Perak untuk menjadi Sultan Perak. Perkara ini bertitik tolak daripada Perjanjian Pangkor 1874 yang telah melibatkan campur tangan pihak kolonial dalam sistem Kerabat Diraja Perak. Antara isi kandungan Perjanjian Pangkor yang melibatkan kedua-dua raja muda ini adalah seperti berikut:

“Pertama: Bahawa Raja Muda Abdullah diiktiraf sebagai Sultan Perak.

Kedua: Bahawa Raja Bendahara Ismail yang sekarang ini menjadi Pemangku Sultan, dibenarkan mengekalkan gelaran Sultan Muda dengan diberi pencen dan sebuah wilayah kecil diserahkan hak kepadanya.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 6)

Ketika menandatangani Perjanjian Pangkor, Gabenor Sir Andrew Clarke dengan persetujuan Sultan Abdullah telah bertindak menurunkan Sultan Ismail kepada gelaran Raja Muda di Hulu Perak. Pada waktu berkenaan di negeri Perak terdapat dua orang Sultan yang berkuasa iaitu Raja Muda Abdullah di Hilir Perak dan Raja Bendahara Ismail di Hulu Perak. Perjanjian ini bertitik tolak daripada kemangkatan Sultan Ali pada tahun 1871 iaitu Sultan Perak ke-24. Kemangkatan Sultan Ali secara tidak langsung membuatkan perebutan takhta di singgahsana kerajaan Perak bergolak. Raja Abdullah sebagai Raja Muda sepatutnya dilantik sebagai sultan baru akan tetapi disebabkan baginda tidak menghadiri upacara pengebumian, Raja Bendahara Ismail telah dilantik. Menurut M.A. Fawzi (2016: 43) suatu yang sukar dinafikan bahawa Raja Muda Abdullah telah gagal hadir sebelum jenazah Sultan Ali dimakamkan kerana mengikut adat Raja-Raja Perak, sultan yang baru diisytiharkan sebelum istiadat pemakaman disempurnakan. Menurut sejarah, jenazah Almarhum Sultan Ali terbujur selama sebulan lebih sedangkan Raja Muda tidak hadir ke majlis pemakaman.

Orang Besar Negeri bersetuju untuk melantik Raja Bendahara sebagai Sultan Perak yang baru. Raja Bendahara Ismail terus ditabalkan kerana mengikut adat istiadat pertabalan Raja-Raja Melayu, baginda ialah sultan yang layak kerana memiliki alat-alat kebesaran diraja. Situasi ini membuatkan Raja Muda Abdullah marah dan berusaha mencari jalan untuk kembali merampas takhta singgahsana milik Raja Bendahara Ismail. Raja Muda Abdullah telah menggunakan isu Perang Larut dan pergaduhan kongsi gelap antara Ghee Hin dan Hai San sebagai langkah untuk memberi tekanan kepada Raja Bendahara Ismail. Secara tidak langsung, Raja Abdullah telah meminta bantuan pihak Inggeris untuk mengembalikan keamanan di Perak melalui Perjanjian Pangkor. Walau bagaimanapun, Raja Ismail tidak bersetuju dengan perjanjian yang telah disepakati. Penyokong Sultan Ismail menyifatkan lantikan Bendahara Ismail sebagai sultan adalah sah, mereka memandang Sultan Abdullah adalah lantikan British (M.A. Fawzi, 2016: 65).

Raja Abdullah telah diiktiraf oleh pihak Inggeris sebagai Sultan Perak ke-26 dan J.W.W Birch sebagai residen Inggeris pertama di Perak. Krisis politik yang berlaku melibatkan Raja Muda Abdullah dan Raja Bendahara Ismail dalam merebutkan gelaran raja yang memerintah telah menjadi percaturan politik yang sengaja dilakukan oleh pihak British. Hukuman ke atas kumpulan yang dikatakan bersekongkol dengan Raja Abdullah untuk menentang Inggeris adalah dirancang dan dilaksanakan dengan licik dan berniat jahat (Malim Ghazali PK, 2017: 109). Pihak British telah menggambarkan bahawa kedua-dua raja di Perak telah gagal dalam mentadbir dan tidak mementingkan keharmonian dalam masyarakat. Kenyataan turut diperkukuhkan oleh Buyong Adil (1972: 60) Inggeris melaga-lagakan atau mempermainkan raja-raja dan orang besar-besar Perak yang tiada sepakat itu mengikut apa sahaja kata Inggeris dan luluslah dasar penjajahan Inggeris masuk ke negeri Perak.

Pengarang telah merubah persepsi bahawa Raja-Raja Melayu di Perak sebenarnya bijaksana bukannya seperti gambaran yang diperihalkan oleh penjajah. Melalui pensejarahan baru, TC memang berselisih faham dengan Ku Robot tentang isu penggiliran takhta namun tidak melibatkan campur tangan politik daripada pihak luar. Perbalahan antara TC dengan Ku Robot berlaku secara tertutup yang hanya melibatkan kaum kerabat daripada pihak istana. Perspektif ini boleh dilihat melalui petikan di bawah:

“Dia berasa kecewa dengan cara isu pertabalan itu ditangani. Apakah salahnya jika tuanku menelefon dan memberitahunya terlebih dahulu? Tambahan pula dia dan tuanku bukannya orang lain. Isu dia dilangkai sedikit pun tidak mengecilkan hatinya.”

(Malim Ghazali PK. 2014: 284)

Tindakan TC untuk ke istana bertemu Ku Robot tidak kesampaian apabila dirinya ditangkap oleh Sarjan Talib dan Koperal Meri ketika berada di stesen bas. Pengarang menggambarkan bahawa tiada pergaduhan atau krisis yang berpanjangan melibat perebutan takhta dalam Kerabat Diraja Perak. TC mengalah dan reda akan keputusan yang dilaksanakan oleh pihak istana yang melantik Ku Robot sebagai RDH yang baru.

Watak Raja Abdullah yang tidak menghadiri majlis pemakaman Sultan Ali sehingga baginda dibuang ke Pulau Seychelles oleh kerajaan British persis perwatakan yang dilalui TC. Melalui makna kekinian yang ditampilkan oleh pengarang terhadap sejarah Perak, TC pula tidak menghadiri majlis pemakaman RDH dan telah dimasukkan ke Rumah Sakit Otak Tanjung Rambutan. Watak Raja Bendahara Ismail pula diberikan tafsiran baru dengan watak Ku Robot. Raja Bendahara Ismail digambarkan memiliki alat kebesaran diraja sehingga layak ditabalkan menjadi sultan. Ku Robot pula telah mengikuti kursus ketenteraan di Sandhurst, London selama enam bulan sehingga memperoleh pangkat mejar. Perancangan ini seakan menjadi persiapan dirinya untuk ditabalkan menjadi sultan. Tuntasnya, melalui aspek politik, Malim Ghazali PK telah menggunakan subversif wacana penjajah dengan menterbalikkan kuasa politik tersebut dengan memberi kemenangan kepada TC.

MAKNA SOSIAL DALAM *LUKA NERING*

Teori Pensejarahan Baru turut menawarkan sudut pandang baru dalam kajian sastera iaitu menganalisis hubungan karya sastera dan pelbagai kekuatan sosial, ekonomi dan politik yang melingkupinya (Brannigan.1999: 421). Selain aspek sejarah dan politik yang diberikan nafas baru daripada segi makna oleh Malim Ghazali PK dalam *Luka Nering*, persoalan ekonomi turut dipaparkan sebagai satu bentuk wacana baru. Ekonomi masyarakat Melayu terutamanya di Perak sejak kedatangan pihak kolonial British berada pada paras kemunduran atas dasar pecah perintah yang dilaksanakan. Gambaran secara umum tentang penindasan ekonomi di Tanah Melayu ini dikemukakan oleh pengarang melalui petikan berikut:

“Maka, makmurlah Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Port Weld mengangkut bijih timah, getah dan kopi. Bermulalah eksodus orang Cina dan orang India ke Tanah Melayu untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah milik Inggeris. Ratusan ribu ekar ladang getah dan kopi dibuka oleh Inggeris dengan pekerja-pekerja yang diangkut dari benua kecil India. Landskap baru Tanah Melayu mula mengambil bentuk. Orang Cina menguasai bandar-bandar, orang-orang India di ladang-ladang getah, orang Melayu semakin terpinggir, jauh di pedalaman.”

(Malim Ghazali PK. 2014: 141-142)

Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895 yang melibatkan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Perak semakin mengukuhkan pengaruh British di Tanah Melayu. Muslihat utama yang ingin diperolehi semestinya menggali khazanah di Tanah Melayu yang kaya dengan hasil alam. Justeru, tindakan mereka membawa buruh luar dan migran menyebabkan sektor ekonomi mula dikuasai oleh pekerja asing hingga mencetuskan kebimbangan. Senario ini sejajar dengan Ishak Saad (2012 : 42), masyarakat Melayu terpaksa menghadapi dua masalah besar waktu iaitu penindasan daripada penjajah British dan ancaman kaum imigran. Pelabuhan Kelang dan Pelabuhan Port Weld menjadi pelabuhan yang mengeluarkan hasil yang cukup tinggi di Tanah Melayu sehingga menjadi pelabuhan terpenting.

Walau bagaimanapun, pihak British tidak memberikan peluang sama rata dan berbahagi hasil kekayaan yang diperolehi dengan masyarakat Melayu. Tujuan sebenar kemasukan kaum Cina dan India secara besar-besaran yang didalangi oleh Inggeris untuk kononnya memesatkan pembangunan ekonomi Tanah Melayu masih boleh dipersoalkan (Malim Ghozali PK, 2017: 106). Perspektif ini membuatkan pengarang merasakan ekonomi perlu dikembalikan semula kuasanya kepada bangsa Melayu dan bukannya digambarkan sebagai masyarakat tertindas. Masyarakat Melayu yang tertindas telah diberikan kemenangan oleh pengarang menerusi TC yang mempertahankan kedaulatan bangsanya. TC telah menang dalam perjuangannya menguasai pembangunan di pesisir sungai Kampung Seberang. Isu perbalahan pemilikan tanah antara dirinya dengan DO Osborne membuatkan TC terjerat sama ada ingin menjaga kepentingan bangsanya atau tunduk dengan desakan pihak Inggeris:

“Sejak mula lagi TC menentang dengan lantang kerana tapak yang dicadangkan terlalu dekat dengan perkampungan Melayu. Di situ nanti bukan hanya lembu dan kerbau yang akan dipotong, bahkan babi. Tentulah ia akan menjadi isu besar dalam kalangan orang Islam. TC berasa bertanggungjawab untuk menentang projek itu. Lagipun, dia pewaris takhta yang suatu masa nanti akan menjadi pengawal bidang agama dan adat istiadat Melayu di negerinya. Mana yang lebih penting masjid atau pajak potong? Lagipun, jika pajak potong itu didirikan terlalu hampir dengan sungai, pasti akan berlaku pencemaran yang serius dalam jangka masa panjang.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 97-98)

DO Osborne bertegas ingin mendirikan pajak potong memandangkan penempatannya yang strategik. Beliau membentangkan cadangan itu ketika dirinya bersama TC dan Rowland Boker selaku DO Temerloh berbincang mengenai isu pajak tersebut. TC tegas membantahnya kerana ingin membangunkan masjid di kawasan berkenaan untuk kegunaan penduduk setempat. Pembinaan masjid semestinya akan memberi banyak maslahat berbanding pajak potong kerana masjid sebagai simbol perpaduan kepada masyarakat Melayu. Pembinaan pajak potong sudah tentu bercanggah dengan norma dan nilai kehidupan masyarakat tempatan. Isu halal haram bukannya menjadi keutamaan Osborne yang mewakili bangsa penjajah tetapi hanya keuntungan semata. Justeru, pembinaan masjid akan merencatkan rancangannya untuk terus bertapak kukuh di Kampung Seberang.

Tujuan utama TC ingin mempertahankan tanah pembangunan di Kampung Seberang adalah untuk mengenang sejarah perjuangan askar-askar Melayu di Kota Lama Kanan yang diketuai oleh Panjang Meru. DO Osborne sebenarnya mempunyai rancangan jahat iaitu ingin memadam sejarah yang menimpa bangsanya di kota tersebut. Perbuatan Osborne ini dapat diselidiki oleh TC melalui petikan berikut:

“Daripada penyelidikan saya, itulah tapak yang nak dijadikan pajak potong oleh Osborne. Disebabkan ramai dalam kalangan askar mereka yang terbunuh, pada Februari 1876, sebuah masjid di situ telah dibakar oleh pihak Inggeris. Anggaphlah perjuangan kita ini sebagai mendirikan semula masjid yang telah dibakar itu.”

(Malim Ghozali PK. 2014: 105-106)

“TC juga berasa puas kerana perjuangannya membina masjid di tapak pertempuran ramai pahlawan Melayu gugur syahid dapat direalisasikan.”

(Malim Ghozali PK. 2014: 377)

Sejarah di Kota Lama Kanan menyaksikan 45 askar Inggeris telah terkorban ketika diketuai oleh Leftenan Harrington daripada Pusat Pentadbiran Negeri-Negeri Selat di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Inggeris tidak menyerah kalah dan terus melakukan serangan terhadap askar Melayu melalui siri peperangan kedua yang dipimpin oleh Kapten Speedy. Brigged Jeneral Ross telah menangkap Panjang Meru dan menghukum gantung tanpa bicara (Gullick.1953: 69). Kemenangan berpihak kepada Inggeris sehingga mereka bertindak menggantung jasad Panjang Meru di tebing sungai dan membakar rumah ibadat orang Melayu. Melalui tafsiran baru, seandainya pajak potong tetap dibina sudah pasti pihak British akan mengaut keuntungan besar namun tindakan itu akan menggugat ekonomi masyarakat Melayu yang akan terpalit dengan isu halal haram dalam perniagaan. Perspektif ini jelas menunjukkan bahawa pengarang telah memberikan kemenangan kepada TC yang akhirnya berjaya membina masjid di Kampung Seberang. Kemenangan TC jelas memberikan isyarat bahawa masyarakat Melayu sememangnya tidak mahu campur tangan daripada pihak penjajah dalam sebarang sektor ekonomi.

Selain rakus memonopoli khazanah di Tanah Melayu, pihak British semestinya tidak mahu memperkenalkan Tanah Melayu secara meluas kepada pihak luar. Pihak British akan mengatakan bahawa Tanah Melayu hanya kaya dengan hasil galian dan tidak menggambarkan keindahan alam semula jadinya secara menyeluruh. Perkara ini disebabkan mereka hanya mahu masyarakat Melayu kekal dalam kemunduran dalam setiap aspek termasuk pendidikan. Oleh yang demikian, pengarang melakukan protes melalui watak TC sebagai anak tempatan yang berkelulusan dari luar negara agar setaraf tahap pemikiran dan darjat dengan pihak British. Secara tidak langsung TC akan memberitahu masyarakat luar tentang keunikan di Tanah Melayu yang selama ini tidak pernah diceritakan. Perkenalan dirinya dengan Salma membuatkan TC tidak alpa dengan sejarah yang pernah dilakukan oleh pemerintah negara Salma terhadap bangsanya. Hal ini sedia maklum, ayah Salma berbangsa Inggeris manakala ibunya berketurunan Sepanyol. Kedua-dua negara tersebut merupakan bekas negara penjajah yang pernah menjajah hampir keseluruhan negara di alam Melayu.

Walaupun perhubungan mereka rapat tetapi TC hanya menganggap Salma sebagai teman belajar bukannya untuk dijadikan pasangan hidup. Keindahan Tanah Melayu diceritakan oleh TC kepada Salma melalui petikan berikut:

“I don't know that you have beautiful beaches. Salma terkejut apabila TC menceritakan tentang keindahan pantai-pantai di Tanah Melayu.

TC berasa sangat terkilan dengan sikap kerajaan Inggeris yang sengaja tidak memperkenalkan Tanah Melayu di mata rakyatnya walaupun mentadbir Tanah Melayu sejak tahun 1874. Penjajah tidak lain ialah penjarah. TC menceritakan sedikit sebanyak tentang gunung-ganang dan rimba raya Tanah Melayu.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 244-245)

“Inggeris tidak memberikan kemerdekaan Tanah Melayu di atas dulang emas seperti yang disebut atau ditulis oleh sesetengah sejarawan Tanah Melayu yang buta fakta dan buta budaya. Inggeris memberikan kemerdekaan setelah hampir menyapu bersih semua peluang ekonomi yang wujud di Tanah Melayu.”

(Malim Ghozali PK, 2014: 243)

TC menceritakan kepada Salma bahawa Tanah Melayu bukan sahaja kaya dengan sumber malahan keindahan alam semula jadi seperti pantai, hutan rimba, gunung-ganang dan kawasan peranginan. Tindakan ini sekiranya telah dilakukan oleh pihak British sejak dahulu sudah pasti ramai masyarakat dari negara luar akan datang untuk melancong. Perbuatan ini tidak lari disebabkan dasar pecah perintah yang dilaksanakan sehingga menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat Melayu daripada sektor ekonomi.

Di samping itu, pengarang juga jelas menyanggah bahawa kedatangan British ke Perak bertujuan untuk memodenkan pentadbiran dan pembangunan untuk masyarakat. Pentafsiran baru menunjukkan pengarang memaparkan kedatangan penjajah hanya sekadar untuk meluaskan empayar dan takluk jajahan. Kedatangan kapal korek yang dibawa masuk serta kemunculan syarikat perlombongan mempunyai agenda tersendiri yang disembunyikan. Pendirian Malim Ghozali PK dengan memberikan kemenangan kepada anak bangsa yang dijajah dengan mengembalikan semula ekonomi kepada bangsa peribumi adalah makna ekonomi yang dimaksudkan berdasarkan teori Pensejarahan Baru. Kenyataan ini disebabkan teks-teks dapat berfungsi membangunkan sebuah bangsa atau digunakan untuk praktik tertentu untuk menghancurkan kelas atau bangsa tertentu (Mohd Ali Radin, 2018: 168).

KESIMPULAN

Kajian novel *Luka Nering* melalui teori Pensejarahan Baru sememangnya mengetengahkan satu kaedah pensejarahan baru dalam pengkaryaan sastera. Sejarah yang selama ini dikarang oleh pihak penjajah telah diubah kepada makna kekinian yang ditulis oleh sejarawan tempatan. Perjanjian Pangkor 1874 yang ditulis oleh pihak British telah disanggah oleh pengarang melalui kemenangan kepada TC yang mewakili Kerabat Diraja Perak. Sanggahan yang dilakukan daripada paparan sudut makna baru melalui aspek sejarah, politik dan sosial menjadi suara protes pengarang terhadap penjajah. Aspek

sejarah melibatkan kedatangan pihak penjajah, aspek politik yang memaparkan krisis jawatan Raja Dihilir dan pemaknaan aspek sosial terhadap bangsa Melayu menjadi bentuk penentangan pengarang terhadap ruang lingkup penulisan sejarah. Tuntasnya, Malim Ghozali PK mengarang *Luka Nering* bertujuan untuk membuka jalan kepada satu kehidupan baru terhadap fakta yang sekian lama dipalsukan. Penjajahan sejarah negeri Perak melalui penceritaan pengarang menjadikan makna sejarah dapat diberi nafas baru seiring dengan pemahaman masyarakat masa kini.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. 2011. Sajak “Pulang Si Tenggang” dalam Perspektif Persejarahan Baru. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22, 1-17.
- A. Rahim Abdullah. 2017. Merenungi Dunia Naratif Malim Ghozali PK dalam Tiga Buah Novel. *Merenungi Dunia Naratif Malim Ghozali PK*, S.M. Zakir (Penyt.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm, 8-19.
- Brannigan, John. 1999. *Introduction: History, Power and Politic in the Literary Artifact*. Cambridge University Press.
- Buyong Adil. 1972. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Abdullah Bin Che Ya, Misran Rokimin & Mawar Shafie. 2010. Manusia dan Kuasa: Meneliti Politik Perpatian dalam Beberapa Novel Melayu 1970-an hingga 1980-an. *Jurnal Melayu*, 5, 251-263.
- Gullick, J.M. 1953. Captain Speedy of Larut. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 3, 69.
- Ishak Saat. 2012. *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Khoo Khay Kim. 1974. The Pangkor Engagement of 1874. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 1, 10-12.
- M.A. Fawzi Basri. 2016. *Cempaka Sari Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuantan: Geroda Merah Press.
- Malim Ghozali PK. 2014. *Luka Nering*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Malim Ghozali PK. 2017. *Kumpulan Esei Pilihan Psikomatik yang Menyala*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Mana Sikana. 1997. Sastera dan Kekuasaan. *Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 124-142.
- Mana Sikana. 2008. *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mohd Ali Radin. 2018. *Muslim Burmat dan Persejarahan Baru*. Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Muhammad Haji Salleh. 2017. Puisi-Puisi Malim Ghozali PK yang Tidak Saya Kenal. S.M.Zakir. *Merenungi Dunia Naratif Malim Ghozali PK*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm, 256-262.
- Rafidah Mat Ruzki. 2016. Iktiraf Datuk Jenaton Labu dalam Sejarah Pulau Pinang. *Berita Harian*. 27 November.
- Sudirman Shomary. 2019. Hubungan Sosial dan Politik Johor-Riau dengan Kalimantan Barat: Perspektif Historiografi Tradisional Melayu. *Jurnal Melayu*, 18 (2), 176-192.
- Talib Samat. 2013. *Penulis dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Mawar Safei, Kamariah Kamarudin & Maharam Mamat. 2020. Nasionalisme dalam Novel Panggil Aku Melaju. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 337-351.

Biodata Penulis:

Amir Zakiy Hamzah adalah calon Sarjana Falsafah dalam Program Kesusasteraan Melayu di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Che Abdullah Che Ya adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden (novel dan kritikan).